

Latihan Objektif

- 1 Antara tahun 1831 hingga tahun 1832, British menghadapi tentangan daripada Penghulu Dol Said di Naning. Mengapakah British ditentang di wilayah tersebut?
- A Pembinaan balai polis
 - B Mencabuli perjanjian damai
 - C Arahan membayar cukai hasil
 - D Pengenalan peraturan tanah

- 2 Pernyataan berikut atas merujuk kepada Perang Naning.

Pada tahun 1831, dalam Perang Naning Pertama, Dol Said dan pengikutnya berjaya mengalahkan British.

- Apakah faktor kejayaan Dol Said?
- A Permuafakatan pembesar
 - B Bantuan tentera Melaka
 - C Risikan berkesan
 - D Senjata moden

3. Maklumat berikut berkaitan campur tangan British di Negeri Sembilan

Pada tahun 1876, Yamtuan Antah telah berunding dengan Gabenor Negeri-negeri Selat, William Jervois untuk berdamai.

Apakah kesan perundingan tersebut ke atas kedudukan Yamtuan Antah?

- A Diberi gaji tetap
- B Diberi kuasa memungut cukai
- C Dikembalikan semula kuasanya oleh Dato' Kelana
- D Diiktiraf sebagai Yamtuan Besar Seri Menanti

4. Mengapakah Dato' Bahaman menentang British di Pahang?

- A Pembinaan balai polis
- B Pencabulan perjanjian
- C Pengenalan perdagangan bebas
- D Pelaksanaan pendidikan sekular

5. Berdasarkan maklumat berikut, X ialah

Tokoh	Peristiwa
X	• Menyerang kubu James Brooke di Nanga Skrang • Membunuh Allan Lee

- A Asun
- B Rentap
- C Banting
- D Sharif Masahor

5. Apakah tindakan James Brooke yang menyebabkan Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gapur menentangnya?

- A Sarikei diletakkan dibawah pentadbiran Brooke
- B Membawa masuk kaum imigran
- C Membersihkan kawasan petempatan
- D Membina pusat pentadbiran

6. Mengapakah Tok Janggut, seorang tokoh pejuang tempatan menentang British di Kelantan?

- A Pemecatan pembesar
- B Pengenalan cukai tanah
- C Pengambilan buruh paksa
- D Penangkapan pengikut setia

7. Mengapakah siri perjuangan Mat Salleh menentang Syarikat Borneo Utara (SBUB) di Sabah berakhir di Tambunan?

- A SBUB memberi pampasan
- B Menawarkan jawatan pentadbiran
- C Mat Salleh terkorban dalam pertempuran
- D Mat Salleh dijatuhkan hukuman buang negeri

8. Jadual berikut berkaitan dengan kekejaman yang dilakukan penjajah British terhadap pejuang kedaulatan tanah air

Pejuang	Kekejaman British
Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor	Dijatuhi hukuman bunuh
Sultan Abdullah, Raja Ismail	Dibuang negeri

Apakah pengajaran yang boleh diambil daripada kekejaman tersebut?

- A Berbangga terhadap keupayaan sendiri
- B Menghargai warisan budaya bangsa
- C Bersama menegakkan undang-undang
- D Berwaspada terhadap anasir luar

9. Charles Brooke gagal menawan kubu Rentap di Bukit Sadok pada tahun 1857 dan tahun 1858. Apakah keistimewaan kubu tersebut?

- I Dilindungi binatang buas
- II Dibina di kawasan yang tinggi
- III Dipagari dengan kayu berlian
- IV Dikelilingi sungai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Latihan Subjektif

10. Jadual berikut menunjukkan tokoh tempatan yang menentang campur tangan British di wilayah mereka.

Tokoh	Lokasi
Dol Said	X
Dato' Bahaman	Y
Rentap	Nanga Skrang, Bukit Sadok

a) Namakan lokasi **X** dan **Y**

X :

Y :

Naning

Kuala Tembeling, Jeram Ampai, Lubuk Trua

b) Mengapakah Dol Said menentang British?

c) Bagaimanakah Rentap berjaya menggagalkan serangan keluarga Brooke di Bukit Sadok?

11. Apakah semangat patriotik yang boleh dicontohi daripada perjuangan tokoh-tokoh tanah air?

12. Mengapakah kita wajar menghargai wajar menghargai perjuangan tokoh menentang kuasa Barat?


Guru perlu membimbing pelajar menjawab berdasarkan isi/fakta di bawah

13. Jelaskan kepentingan mempertahankan negara dari anasir-anasir luar?

Guru perlu membimbing pelajar menjawab berdasarkan isi/fakta di bawah

Latihan Objektif

14. Maklumat berikut merupakan dasar pentadbiran SBUB terhadap penduduk suku kaum di Sabah



Suku kaum X ialah

- A Kadazan
- B Murut
- C Kedayan
- D Bajau

15. Brooke melibatkan penduduk tempatan dalam pentadbirannya di Sarawak. Apakah tujuan perlaksanaan dasar tersebut?
- A Meningkatkan taraf hidup
 - B Menjamin perpaduan rakyat
 - C Mengukuhkan kuasa pemerintah
 - D Mempelbagaikan kemahiran penduduk

16. Bagaimanakah sistem pentadbiran Barat memberi kesan kepada perundangan tempatan? undang-undang Barat kedudukan Dato' Bahaman terjeias sistem perundangan berlandaskan Adat Papatih

(a) Naning

- (i) British melaksanakan _____
- (ii) British mencabar _____
- (iii) British mengganggu _____

(b) Perak

- (i) British membina _____
- (ii) British mengurangkan _____
- (iii) British memaksa Ngah Ibrahim _____

(c) Pahang

- (i) British menimbulkan _____
- (ii) British mendirikan _____
- (iii) British menyebabkan _____

kuasa Menteri Ngah Ibrahim

menerima nasihat daripada Kapten Speedy

17. Jadual berikut menunjukkan kadar cukai baharu yang diperkenalkan oleh British di Kelantan

Jenis Cukai	Kadar Cukai
Pokok durian	12 ½ sen sepokok
Pokok kelapa berbuah	3 sen sepokok
Pokok Pinang	1 sen sepokok
Sirih	5 sen sejunjung
Lembu dan kerbau	20 sen seekor setahun

a) Nyatakan dua ciri sistem cukai tradisional

i.

ii.

b) Apakah masalah penduduk Pasir Puteh untuk membuat bayaran cukai?

c) Berdasarkan jadual, berikan ulasan anda tentang pelaksanaan cukai baharu oleh British

18. Mengapakah sistem cukai masih dilaksanakan sehingga kini?

Latihan Subjektif

19. Senaraikan kelemahan daripada sudut persenjataan Yamtuan Antah

20. Nyatakan hujah agama yang digunakan oleh Haji Abdul Rahman Limbong